

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 6/10/2010
Mast: KAWA No: 26
Page: HELLO KEMAS

## Tindakan tegas terhadap mahasiswa terlibat politik

PARIT 5 Okt. – Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana mahasiswanya yang terlibat dalam kempen Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas.

Nalib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Isahak berkata, tindakan tegas yang akan diambil termasuk menggantung mahasiswa terlibat.

"Sebagai mahasiswa, mereka perlu me-

matuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang melarang penglibatan pelajar dalam parti politik serta kesatuan sekerja.

"Akta tersebut digubal demi kepentingan mahasiswa itu sendiri bagi memastikan pengajian mereka tidak terjejas," katanya.

Beliau ditemui pada majlis Sambutan Hari Terbuka Aidilfitri anjuran Pengerusi

Taman Teknologi Malaysia, Datuk Nasarudin Hashim di sini semalam.

Beliau mengulas kemungkinan mahasiswa terlibat pada Pilihan Raya Kecil DUN Galas, Kelantan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Kerusi tersebut kosong berikutan kematian wakil rakyatnya, Chek Hashim Sulaima, 46, daripada Pas akibat barah usus pada 27 September lalu.

Menurut Mohamed Mustafa, sebagai mahasiswa, apa yang lebih penting bagi mereka adalah menumpukan perhatian kepada pengajian, bukan berpolitik.

"Mereka masih ada masa untuk berpolitik tetapi pastikan selepas menamatkan pengajian kerana sebagai mahasiswa, mereka menjadi harapan keluarga masing-masing," katanya.